



PEMEGANG DEEN LIST WANTED

DOA MEMOHON DEEN LIST

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ
وَأَنْ تُعْفِرَ لِي وَتَرْحَمَنِي

“Ya Allah, aku memohon kepada-Mu agar sentiasa terdorong melakukan kebaikan, meninggalkan kemungkaran, mencintai orang-orang miskin dan agar Engkau mengampuni dan mengasihi aku.” (Riwayat al-Tirmizi)

Bayangkan anda akhirnya berjaya menamatkan pengajian dan nama anda tersenarai pula dalam *dean list* serta dinobatkan sebagai pelajar terbaik. Apa agaknya perasaan tatkala itu? Sudah pasti ada rasa terharu, gembira dan bersemangat kerana ada pihak yang meletakkan kepercayaan yang tinggi dalam diri. Ada yang merasakan kita layak untuk ke hadapan! Kita rasa diri istimewa kerana dipilih. Menjadi yang terpilih.

BIARLAH KITA DEEN LIST

Namun, tanyakan pada diri juga. Adakah kita berbangga dengan nama universiti atau universiti yang berbangga memiliki graduan seperti kita? Nah, bukankah berbeza sudut pandangannya? Janganlah sekadar menjadi modul, tapi pilihlah menjadi model.

Menjadi yang terpilih ini merupakan satu pengiktirafan. Bahkan ia menjadi sokongan moral yang sihat yang akan menatijahkan lonjakan usaha yang lebih baik. Mulakanlah usaha dengan tindakan. Realisasikan cita-cita dengan ‘membumi’ pergerakan.

Bagaimana? Kita sudah terpilih dalam *dean list*, maka pilihlah pula untuk menjadi model Islam. Ya, senaraikan pula diri dalam *deen list* dengan menggerakkan diri menyebarkan kebaikan.

Alhamdulillah. Kita dilahirkan Islam. Agak kasar jika menyebut diri kita diibaratkan sebagai keluaran atau produk Islam. Namun, jika fahaman ini boleh melahirkan kesungguhan dalam merasakan diri merupakan harapan atau model dalam agama, maka itu lebih baik.

Lahirkanlah kesyukuran dan kebanggaan kepada-Nya kerana pilihan Allah terhadap diri inilah yang telah menjadikan kita sentiasa ada mentaliti menang. Mukmin yang menang itu yang bertindak, bukan hanya melihat. Oleh itu, berbanggalah dengan Islam, buatlah sesuatu untuk agama suci ini. Sekalipun kita bukan *dean list*, biarlah kita *deen list*.

PEMBAWA IMEJ ISLAM

Ya, apabila menjadi produk Islam, kita membawa nama dan imej Islam di mana-mana dan bila-bila masa. Rasakan tanggungjawab membawa mesej agama. Dengan itu, kebaikan dengan diri tidak boleh dipisahkan.

Beringatlah selalu, kita bukan dipilih sembarangan. Ilmu-Nya mendahului ilmu kita. Jika kita rindu melihat kebaikan, kita perlu merasakan kitalah salah seorang yang menjadi harapan untuk menyebarkan kebaikan itu.

Menyebarkan kebaikan ini sangat disukai Tuhan. Kerana kita membantu memperkenalkan Allah dan Islam kepada manusia. Sudah pasti ganjarannya hebat.

Bahkan Allah memujuk kita agar menjadi model agama dalam

surah al-Kahfi, ayat 110: "Sesiapa yang mengharap pertemuan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia mengerjakan kebajikan dan janganlah menyirikan Tuhan dengan sesuatu pun dalam beribadah."

Mahu atau tidak bertemu dengan Tuhan? Sudah tentu mahu, bukan? Oleh itu, jika kita mengharapkan pertemuan itu, beritahulah diri bahawa empunya diri yang perlu menggerakannya.

Harapan perlu disertai dengan tindakan agar ia terealisasi. Jadi, mengapa masih menunggu orang lain? Mengapa tidak kerah diri sendiri? Biarlah kita sendiri yang menjadi model dalam urusan agama. Untuk itu, kita perlu berfikir gaya seorang pemimpin.

TIDAK MENSIA-SIAKAN KEBAIKAN

Menterjemahkan keindahan Islam kepada orang lain, maka respons yang diterima pasti ada yang positif, namun mungkin respons negatif lebih banyak. Lalu kita rasa kecewa dan sedih. Enggan lagi bergerak sebagai model agama.



Barangkali jika selalu diselubungi perasaan tersebut, mungkin kita belum sepenuhnya menyerahkan urusan kehidupan kepada Allah.

Firman-Nya: "Tidak, sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang dia seorang yang baik amalannya, maka dia mendapat pahala di sisi Tuhannya dan tidak ada rasa takut pada mereka dan tidak bersedih hati." (Surah al-Baqarah 2: 112)

Oleh itu, kembalilah kepada Allah kerana dengan kembali kepada-Nya kita pasti akan beroleh harapan yang tertinggi iaitu syurga, insya-Allah. Ketahuilah dengan harapan, datangnya tindakan dan tindakan ke arah kebaikan pasti tidak akan disiasikan-Nya. **Q**

CHECKLIST VIP

Pemimpin (Model)	Pengikut
Berfikir, merancang dan bertindak.	Mendengar, melihat dan mengikut.
Sentiasa berani.	Kurang keyakinan diri.
Berdaya saing dan pantang dicabar.	Selesa mengalah dan beralah.
Beroleh pelajaran melalui pengalaman baru.	Berada di takuk lama.

TARGET: HIDUPKAN HARAPAN DENGAN PERGERAKAN.

[facebook.com/wardahSafiah](https://www.facebook.com/wardahSafiah)

zadilah@telagabiru.com.my